

Khamis

16 November 2017



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 16 November 2017
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BARU

1. Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff
2. Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan selamat pagi. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, dan Yang Berhormat Datuk Mohan A/L Thangarasu sebagai Ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Bersama kita pada pagi ini saya ingin mengalu-alukan kedatangan Tun Samy Vellu juga pada pagi yang indah ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai hari.

Pelantikan baru tersebut merupakan satu pengiktirafan terhadap keupayaan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara di peringkat legislatif yang tertinggi di negara kita.

Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus berusaha untuk memantapkan lagi perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Saya juga yakin Ahli-ahli Yang Berhormat akan mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam Rukun Negara yang menekankan keperibadian mulia yang menjiwai dan memberi makna kepada konsep demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Suka saya mengulang daripada ucapan-ucapan saya yang terdahulu bahawa demokrasi merupakan satu falsafah ataupun konsep yang indah, luhur dan mulia yang mana perlu dibina atas landasan keperibadian yang beradab dan bersopan. Disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional, sifat yang mulia dan luhur adalah penting ditonjolkan sebagai contoh teladan yang terpuji bukan sahaja ruang lingkup Dewan ini tetapi jauh penting lagi dalam kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda.

Saya tidak mempunyai sebarang kesangsian terhadap kemampuan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memelihara kerukunan dan ketertiban Dewan dan seterusnya memelihara kedudukan dan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat keseluruhannya akan sentiasa mendukung visi rakyat secara gigih ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan sejajar dengan impian dan wawasan pengasas-pengasas negara ini.

Dengan kata-kata ini maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada pagi ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.16 pagi]